

UMS hargai pengorbanan PDRM

UB 6.7.16 B1

Oleh ABD NADDIN
SHAIDDIN SAHIDDIN

NAIB Canselor Universiti Malaysia Sabah Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah membuat kunjungan hormat ke pejabat Pesuruhjaya Polis Sabah di Ibu Pejabat Polis Kota Kinabalu, kelmarin.

Kunjungan hormat itu turut dihadiri bersama Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMS Prof Madya Dr Ismail Ali.

Sempena kunjungan itu,

satu majlis penyerahan kuih raya kepada Pesuruhjaya Polis Sabah Dato' Abdul Rashid Harun turut dilangsungkan. Kuih raya itu disumbangkan kepada anggota pasukan PDRM yang tidak pulang untuk beraya demi menjaga keamanan dan keselamatan negeri Sabah.

"Kami sangat menghargai jasa dan pengorbanan anggota polis dalam menjaga keamanan Sabah pada saat ini," kata Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun

Abdullah.

"Justeru, saya mewakili warga UMS berbesar hati untuk menyumbangkan kuih raya kepada anggota PDRM yang tidak dapat bercuti bersama keluarga di Hari Raya tahun ini," katanya.

Beliau turut mempelawa semua warga PDRM Kota Kinabalu untuk hadir ke Rumah Terbuka UMS pada 12 Julai 2016 ini.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor HEPA UMS Prof Madya Dr Ismail Ali merangkap

Komandan Kor-Suksis UMS berkata memuji pihak PDRM yang banyak membantu UMS.

"PDRM Kota Kinabalu banyak membantu kami di UMS dalam menjaga keamanan kampus kami terutamanya yang berhubung dengan pelajar, kami sangat hargai bantuan yang diberikan," katanya.

HARUN menyerahkan sumbangan kuih raya kepada Rashid sambil diperhatikan oleh Ismail.

